

BERJUDIKAH MEMANCING IKAN DI KOLAM BERBAYAR?

MOHD MUSA BIN SARIP

AHMAD MURSHIDI BIN MUSTAPHA

MOHD ROFAIZAL BIN IBHRAIM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Memancing merupakan salah satu hobi yang dilakukan oleh sesetengah masyarakat dan aktiviti ini semakin diterima ramai. Memandangkan risiko bagi mereka yang memancing di laut dan sungai, wujud inisiatif dengan menyediakan kolam memancing. Pelbagai pakej memancing disediakan seperti bayaran masuk yang berpatutan, jenis-jenis ikan yang disediakan, pertandingan dan banyak lagi. Hal ini bertujuan menarik minat para pengunjung untuk beralih ke kolam memancing. Namun, isu seperti bentuk bayaran masuk memancing, bayaran untuk pertandingan, pakej-pakej seperti seperti 'pecah tabung' dan 'jackpot', menimbulkan keraguan dari aspek hukum syarak. Terdapat juga pakej memancing yang mengenakan bayaran mengikut berat ikan yang berjaya dinaikkan oleh pemancing. Beberapa pandangan hukum daripada ilmuan Islam kontemporari dan juga fatwa-fatwa dalam dan luar negara merungkaikan beberapa jenis isu yang berlaku dalam kolam memancing berbayar tersebut. Namun masih banyak pakej aktiviti yang berlaku di kolam pancing yang memerlukan kepada penentuan hukum yang sesuai. Justeru, penulisan ini untuk mengenal pasti pakej dan aktiviti di kolam pancing yang ditawarkan oleh pengusaha kolam pancing yang diragui mempuyai unsur perjudian yang diharamkan Syariah. Dapatan yang diperolehi boleh dijadikan sebagai panduan dalam meletakkan cadangan penyelesaian Syariah untuk aktiviti-aktiviti memancing di kolam berbayar dan membuka ruang kajian yang lebih terperinci dalam isu-isu yang dibincangkan. Ini juga akan membantu para pengusaha kolam pancing berbayar dan kaki pancing untuk lebih berhati-hati dengan aktiviti memancing yang menyalahi syarak.

Kata kunci: pakej memancing, kolam memancing berbayar, penyelesaian syariah

1.0 Pendahuluan

Peranan sungai dari dahulu lagi sehingga sekarang bukan sahaja tertumpu kepada sumber air semata-mata, bahkan ia berperanan sebagai sumber makanan dan minuman bagi umat manusia (<http://water.selangor.gov.my/index.php>, 2020). Sumber makanan tersebut diperolehi sama ada dengan cara memancing, memukat, menjala dan sebagainya. Aktiviti memancing adalah salah satu aktiviti penerusan hidup masyarakat dahulu dan sehingga kini ia telah menjadi antara hobi masyarakat di Malaysia. Aktiviti tersebut, kini telah dikomersilkan dalam bentuk memancing di kolam. Kolam yang disediakan memberi ruang yang lebih mudah kepada kaki pancing untuk melaksanakan hobi mereka sebagai alternatif memancing di laut ataupun sungai.

Mengkomersilkan kolam pancing bukan sahaja bertujuan untuk memberi ruang kepada kaki pancing untuk melaksanakan hobi mereka, bahkan ia menjadi salah satu bentuk perniagaan yang memberi keuntungan. Pelbagai aktiviti lain dengan pakej-pakej yang menarik disediakan sama ada bentuk pertandingan dan juga pakej memancing biasa. Jumlah kolam pancing ini bertambah dengan permintaan daripada pelanggan atau penggemar aktiviti memancing. Dengan perkembangan kolam-kolam pancing ini, beserta kepelbagaian pakej yang ditawarkan, semestinya akan melibatkan perbincangan hukum hakam dalam kalangan ilmuan Islam kontemporari. Ini bagi membantu masyarakat Islam secara khususnya untuk

memahami dan menggunakan pakej-pakej tersebut yang bersesuaian dengan apa yang telah digariskan oleh Islam.

Justeru, penulisan ini akan mengenal pasti pakej-pakej rangsangan yang disediakan di kolam-kolam pancing secara umumnya dan membuat analisis awal berkaitan hukum bagi pakej-pakej tersebut berdasarkan pandangan Syariah. Disebabkan kajian-kajian berkaitan dengan aktiviti-aktiviti memancing di kolam pancing adalah terhad, maka antara sumber penulisan ini yang digunakan adalah temubual dan pemerhatian dalam memperolehi data-data berkaitan dengan aktiviti dan pakej memancing tersebut. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dan juga analisis perbandingan.

2.0 Konsep Kolam Memancing Berbayar

Hobi memancing bukan sesuatu yang baru dalam masyarakat di Malaysia. Aktiviti ini merangkumi pelbagai lapisan peringkat umur kerana keseronokan dan kepuasan tertentu. Antara faktor-faktor pendorong kepada wujudnya kolam pancing berbayar adalah kerana risiko memancing di lautan, kadar kos yang perlu dibelanjakan dan lain-lain. Justeru, pengusaha-pengusaha kolam pancing menjadikan kolam mereka sebagai alternatif kepada kaki pancing untuk menjalankan hobi mereka. Penerimaan masyarakat terhadap kolam pancing lebih memberansangkan kerana kedudukan yang sesuai, kos yang rendah, kepelbagaian ikan yang ditawarkan dan pakej serta aktiviti yang menarik. Perkembangan ini membuka peluang perniagaan kepada pengusaha kolam pancing berbayar dengan penetapan caj-caj tertentu.

Kolam pancing berbayar juga dikenali dengan nama kolam pancing komersil (Ahmad Murshidi et al, 2019). Kolam pancing komersil ini terbahagi kepada dua kategori iaitu kolam air masin dan kolam air tawar. Kedua-dua kolam pancing tersebut mengamalkan pakej asas dan pakej ransangan yang berbeza-beza antara satu sama lain, namun perbezaannya tidak ketara. Kolam pancing air tawar mempunyai beberapa pakej asas memancing iaitu berlauk, pancing dan timbang dan tangkap dan lepas sepenuhnya. Pakej ini juga terdapat di kolam pancing air masin namun terdapat sedikit perbezaan dari aspek pelaksanaannya. Namun, terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-dua kolam tersebut yang menjadi pilihan kaki-kaki pancing. Antaranya ialah jenis ikan yang dilepaskan dalam kedua-dua kolam tersebut adalah berbeza. Bayaran yuran masuk di kolam pancing air masin kebiasaannya lebih mahal berbanding kolam pancing air tawar (Syed Abdul Aziz: 2019).

3.0 Bayaran Masuk Kolam

Semua kolam pancing berbayar akan dikenakan bayaran masuk bagi setiap pengunjung yang masuk untuk memancing. Bayaran ini berbeza bagi setiap kolam berdasarkan penetapan kadar khusus oleh pengusaha kolam. Perbezaan bayaran juga bergantung kepada jenis kolam sama ada kolam air tawar atau kolam air masin tertakluk kepada jenis-jenis dan saiz ikan yang ditawarkan. Kolam air tawar kebiasaan RM 30.00 untuk tempoh dua jam ataupun RM 40.00 untuk tiga jam. Bayaran masuk di kolam air masin pula RM 70.00 untuk tempoh tiga

jam. Kadar ini adalah kebiasaan yang digunapakai tetapi ianya bukan kadar tetap kerana bergantung kepada tempat dan pengusaha kolam masing-masing (Syed Abdul Aziz: 2019). Di sesetengah kolam pancing, kadar bayaran yuran masuk berbeza mengikut waktu. Waktu lewat malam lebih murah berbanding waktu siang. Perbezaan harga adalah kerana dilepaskan jumlah ikan yang lebih banyak dan juga jenis-jenis ikan yang tertentu dan menarik.

Bayaran yuran masuk juga dibuat dalam bentuk permit harian atau bulanan. Bayaran permit harian kebiasaan adalah kadar tetap yang dikenakan bagi setiap kali pemancing masuk memancing di kolam tersebut. Bagi bayaran permit bulanan, kebiasaannya disediakan bagi pemancing yang kerap memancing di sesebuah kolam. Keistimewaan permit bulanan ini adalah lebih murah dan berbaloi jika dibandingkan dengan permit harian bagi mereka yang kerap memancing di kolam tersebut. Selain daripada itu juga, sesetengah pengusaha kolam pancing menyediakan pas keahlian sebagai galakkan dan tarikan kepada pemancing untuk memancing di kolam mereka. Diskaun tertentu diberikan berdasarkan penetapan oleh pengusaha.

Kebiasaan bayaran masuk dikenakan atas kiraan joran yang digunakan oleh pemancing. Bayaran masuk kali pertama dikira dengan kiraan sebatang joran dan untuk tambahan joran dikenakan bayaran lain dengan kadar yang sama atau lebih rendah. Bagi pemancing yang membawa kanak-kanak, kebiasaan kolam pancing menetapkan bayaran khusus bagi kanak-kanak. Namun terdapat juga bayaran bagi kanak-kanak yang sama dengan bayaran dewasa. Umumnya, bagi bayaran masuk kolam pancing ini, para pengusaha sebagai pemilik kolam pancing mempunyai kebebasan untuk menetapkan kadar bayaran mengikut pakej-pakej yang ditawarkan.

Terdapat juga di sesetengah kolam yang menetapkan bayaran yang berbeza mengikut jenis kolam yang disediakan. Seumpama kolam pancing timbang menetapkan bayaran satu joran RM 3.00 pada waktu siang dan RM 5.00 pada waktu malam. Peruntukan tempoh keberadaan di kolam adalah tidak terhad. Manakala kolam tangkap dan lepas (*cash and release*) adalah RM 20.00 sejam . Pada jam yang kedua dikenakan bayaran RM 20 .00 dan jam yang ketiga dan seterusnya ialah RM 10.00. Ada juga yang menetapkan dengan pakej asas sebanyak RM 50.00 bagi 4 jam (Zulkifli, 2020). Penetapan bayaran ini adalah berbeza-beza bagi pengusaha kolam pancing.

Di sini dapat diketahui bahawa kadar bayaran masuk bagi kolam-kolam pancing adalah berbeza mengikut penetapan pakej asas oleh pengusaha kolam. Masa keberadaan ditetapkan dalam tempoh tertentu dengan kadar bayaran yuran masuk, namun terdapat juga pengusaha kolam yang tidak menetapkan tempoh masa keberadaan (Zulkifli, 2020). Sesetengah pengusaha kolam pula menetapkan tambahan bayaran bagi tambahan masa keberadaan. Bayaran masuk bagi kolam pancing dan lepas serta kolam pancing dan timbang kebiasaan berbeza. Faktor ikan yang besar dan jumlah ikan yang tidak banyak di kolam pancing dan lepas, kebiasaan mempengaruhi bayaran masuk tersebut.

Bayaran yang sama atau tambahan juga boleh berlaku tertakluk kepada tawaran atau bonus istimewa daripada pengusaha kolam melalui pakej rangsangan. Tawaran istimewa ini berbentuk hadiah berupa wang tunai atau hadiah-hadiah lain melalui sistem *rangking*, *jackpot*, pertandingan atau/dan cabutan bertuah. Justeru, penulis akan membicarakan pakej

rangsangan tersebut dengan kupasan yang mendalam untuk mengenal pasti adakah terdapat unsur perjudian di dalam kolam memancing berbayar..

4.0 Berjudikah Memancing Ikan Dengan Menyertai Pakej Rangsangan?

Perjudian adalah suatu aktiviti yang telah diharamkan dalam syariat Islam dan undang-undang di Malaysia. Maisir (perjudian) bermakna mendapatkan sesuatu dengan terlalu mudah atau memperolehi keuntungan tanpa berusaha. Islam melarang segala bentuk perniagaan di mana keuntungan kewangan diperolehi daripada mencuba nasib semata-mata atau spekulasi dan bukan dari pekerjaan. Tidak seperti gharar yang boleh diterima pada tahap tertentu, maisir tidak boleh diterima sama sekali. Ini berdasarkan maksud firman Allah Taala dalam surah al-Maidah:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan.Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (Al-Maidah, 5:90)

Maisir yang juga dikenali sebagai qimar adalah perkataan bahasa Arab yang bermaksud judi. (al-Qal‘aji 1988; ‘Abd al-Mun‘im 1999). Judi merupakan permainan yang bergantung kepada nasib semata-mata yang mana setiap pemain bersetuju bahawa pihak yang menang akan mendapat bahagian daripada pihak yang kalah (Abu Ghuddah 2006).

Perkataan maisir diambil daripada perkataan yusr (يسر) yang bermaksud mudah. Perkataan ‘mudah’ ini merujuk kepada seseorang akan mendapat sesuatu dengan mudah apabila nasib menyebelahnya. Jadi, keuntungan yang diperolehi oleh seseorang adalah dengan cara yang mudah tanpa perlu kepada sebarang usaha.

Menurut al-Jurjani (1909), judi terdapat dalam dua bentuk. Bentuk pertama ialah apabila satu pihak akan mendapat bahagian harta yang dimiliki oleh pihak yang satu lagi sedikit demi sedikit dalam satu permainan. Manakala bentuk kedua pula merujuk kepada satu permainan di mana kebiasaannya disyaratkan pihak yang menang (ghalib) akan mendapat sesuatu daripada pihak yang kalah (maghlub). Judi juga mempunyai maksud yang sama dengan pertaruhan (rihan). Pada zaman jahiliyyah, orang Arab bertaruh untuk mendapatkan daging unta dengan menggunakan kayu nasib. Pihak yang memenangi pertaruhan akan mendapat daging tersebut (Rashid Reda 1947). Walau bagaimanapun, pihak yang terlibat dalam pertaruhan (rihan) tidak terhad kepada pemain dalam sesuatu permainan, namun turut melibatkan pihak luar yang meletakkan harta untuk bertaruh terhadap hasilnya (Kamali 2005).

Meskipun terdapat pelbagai istilah yang digunakan, kesemua istilah tersebut menjelaskan bahawa apa-apa aktiviti yang melibatkan pertaruhan, iaitu pihak yang menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhannya adalah termasuk dalam kategori maysir (Hammad 2008). Ini bermakna, aktiviti maisir merupakan salah satu cara mendapatkan harta secara batil kerana bahagian pihak yang kalah dalam pertaruhan akan diambil oleh pihak yang memenangi pertaruhan tersebut (Obaidullah 2001). Justeru, al-Quran secara jelas mengharamkan maisir.

Selain dari perkataan ‘*al-maisir*’, perjudian dalam bahasa Arab juga disebut sebagai ‘*al-qimar*’. Al-Qal'aji mentakrifkan *al-qimar* sebagai setiap permainan yang di dalamnya disyaratkan bahawa pemenang akan mengaut (pertaruhan) dari yang kalah (Qal'aji 1988). *Qimar* ialah suatu bentuk pertaruhan yang diamalkan oleh orang Arab jahiliyyah yang melibatkan beberapa habuan yang ditentukan daripada unta yang dipertaruhkan. Habuan-habuan ini ditulis pada 10 anak panah atau pun pena. Selepas itu dilakukan cabutan untuk mencari siapa yang menang dan mendapat habuan-habuan yang telah ditentukan tersebut. Sesiapa yang tidak mendapat habuan mesti membayar seluruh harga unta pertaruhan tersebut. Sesiapa yang menang dan mendapat habuan pula biasanya akan menyerahkan habuan tersebut kepada golongan faqir miskin.

Imam Malik berpandangan bahawa *maisir* ialah semua bentuk permainan yang melalaikan walaupun tidak disertai dengan pertaruhan. Menurut imam Malik permainan yang disertai dengan pertaruhan adalah termasuk dalam *maisir al qimar* iaitu *maisir* yang disertai dengan pertaruhan harta yang boleh menyebabkan kerugian. *Maisir* yang tidak disertakan dengan pertaruhan maka ianya bukanlah *qimar* tapi hanya *maysir al-lahw* seperti bermain dadu, catur dan semua permainan yang melalaikan. Imam Malik jelas membezakan antara *maisir* dan *qimar* dan menurut pandangan beliau *maisir* lebih umum berbanding *qimar*. Maksud lebih umum di sini ialah semua *qimar* adalah *maisir*, tetapi bukan semua *maisir* adalah *qimar*. Al-Qasim Bin Muhammad apabila disoal mengenai mengenai *maisir* maka jawabannya ialah *maisir* ialah setiap perkara yang melalaikan seseorang dari mengingati Allah dan solat.

Di kolam memancing berbayar, pakej rangsangan disediakan oleh pengusaha kolam untuk menarik minat para pengunjung dan dalam masa yang sama sebagai sumber pendapatan bagi mereka. Pakej-pakej ransangan tersebut bergantung kepada pengusaha kolam masing-masing. Para pengusaha kolam juga menyediakan pakej ransangan bergantung kepada permintaan pelanggan kerana kepuasan mereka ketika memancing (Tazarul Tamsir, 2020). Namun, terdapat juga pengusaha yang tidak menyediakan pakej ransangan tertentu kerana sebab-sebab tertentu. Di sini, penulis menyenaraikan bentuk pakej-pakej ransangan yang biasa disediakan di kolam memancing berbayar.

4.1 *Jackpot* (Hadiah Khas)

Jackpot adalah merupakan istilah yang biasa digunakan di kolam pancing yang kebanyakannya menawarkan pakej rangsangan ini. Istilah ini merujuk kepada hadiah khas yang diberikan kepada pemenang sama ada menaikkan ikan melebihi berat yang ditetapkan, ikan bertanda, jenis ikan tertentu atau sebagainya. Sekiranya jumlah berat ikan yang diperolehi adalah yang terberat atau mencapai sasaran yang ditetapkan, bonus atau hadiah wang tunai akan diberikan mengikut kadar tertentu.

4.2 Kedudukan Carta (*Ranking*)

Bentuk permainan seperti ini juga dinamakan dengan nama ‘salam sepuluh’, yang mana para pemancing yang ingin menyertai hendaklah membayar RM 10.00 dan ikan yang paling berat yang diperolehi akan dikira sebagai pemenang. Pemenang tersebut akan mengambil

keseluruhan jumlah wang yang terkumpul tersebut (Tazarul Tamsir, 2020). Bentuk permainan seperti ini diletakkan dengan nama yang pelbagai sebagai menarik minat kaki pancing dengan bayaran terkumpul yang akan diperolehi nanti sekiranya mendapat ikan yang paling berat.

Wang yang dikumpul terkadang mencapai tempoh beberapa bulan atau minggu. Kebiasaan mereka yang menyertai permainan ini akan disenaraikan oleh pihak pengusaha secara terperinci khususnya ikan-ikan yang diperolehi oleh mereka. Di akhir bulan contohnya, berat ikan-ikan yang telah dikail akan dinilai untuk mengenal pasti ikan yang paling berat. Pemenang akan dihubungi dan akan diberikan hadiah oleh pengusaha kolam. Bayaran hadiah adalah berdasarkan kutipan bayaran masuk kolam tersebut.

4.3 Pertandingan Memancing

Pertandingan memancing adalah salah satu aktiviti yang lazim di setiap kolam pancing. Ini adalah sebagai tarikan kepada para pemancing. Setiap pertandingan akan disertakan dengan hadiah dan kebiasaannya adalah hadiah berbentuk wang tunai. Bentuk pertandingan yang ditawarkan juga adalah berbeza-beza sebagai tarikan tersendiri daripada pengusaha kolam. Antara bentuk pertandingan yang dijalankan ialah menawarkan sejumlah wang tertentu kepada pemenang. Ini bergantung kepada kategori pertandingan berdasarkan tawaran-tawaran hadiah yang berbeza-beza. Jumlah hadiah boleh mencapai puluhan ribuan ringgit dan ini menarik minat penyertaan para pengunjung kolam tersebut (Tazarul Tamsir, 2020)

Terdapat pertandingan memancing yang berdasarkan berat ikan yang diperolehi. Ikan yang paling berat akan memenangi pertandingan tersebut dengan hadiah-hadiah yang telah ditawarkan. Selain itu, terdapat juga bentuk pertandingan seperti '*boll* dalam mulut ikan'. Pertandingan ini dikira bagi mereka yang berjaya menaikkan ikan dengan kedudukan mata kail berada dalam mulut ikan tersebut. Kedudukan mata kail akan dinilai beserta dengan berat ikan yang diperolehi. Berat ikan tersebut akan menentukan sama ada '*boll* penuh' ataupun '*boll* tidak penuh'. Namun, dalam pertandingan-pertandingan yang ditawarkan akan ada bentuk-bentuk penipuan semata-mata untuk mendapatkan hadiah. Antaranya ialah menipu timbangan, seludup ikan, ikan tambat, rasuah dan lain-lain (Amang, 2018).

Di samping pertandingan memancing tersebut, terdapat sesetengah pengusaha kolam akan membuat pertandingan sampingan lain seperti 'tikam biji betik'. Pemancing-pemancing yang ada di kolam pancing ditawarkan untuk meneka bilangan biji yang terdapat dalam sebiji betik dengan bayaran tertentu. Kebiasaannya setiap pemancing yang meneka akan dikenakan bayaran RM 1.00 untuk sekali tekaan dan dibenarkan untuk meneka lebih daripada sekali. Hadiah adalah dalam bentuk wang ringgit (Syed Abdul Aziz: 2019).

4.4 Cabutan Bertuah

Cabutan bertuah antara daripada aktiviti yang dibuat di kolam memancing berbayar. Aktiviti ini kebiasaannya adalah berdasarkan inisiatif pengusaha kolam untuk pelanggan-pelanggan mereka dalam kalangan pemancing yang tujuan menarik pengunjung ke kolam mereka. Terdapat juga aktiviti seperti ini yang dibuat oleh pengunjung yang menganjurkan majlis atau pertandingan dalam kalangan mereka (Zulkifli, 2020). Antara bentuk cabutan bertuah yang ditawarkan ialah dengan membayar bayaran tertentu bagi mereka yang ingin menyertai cabutan bertuah tersebut. Terdapat juga cabutan bertuah yang tidak melibatkan bayaran tertentu tetapi merupakan inisiatif daripada pengusaha kolam atau penganjur sesuatu majlis di kolam tersebut.

5.0 Penilaian Syariah Bagi Pakej Ransangan Memancing

Justeru bagi penulisan ini, penilaian Syariah bagi pakej-pakej memancing tersebut akan dilihat pada beberapa pandangan ilmuan Islam dan juga beberapa fatwa yang terpilih. Ini sebagai tinjauan awal yang menunjukkan keprihatinan para ulama dalam memandu masyarakat dalam aspek hukum hakam yang berkaitan dengan aktiviti memancing.

5.1 *Jackpot* (Hadiah khas)

Jika bertepatan dengan kefahaman penulis tentang hadiah *jackpot* yang biasa ditawarkan di kolam pancing, maka hukumnya haram kerana ia adalah suatu bentuk perjudian. Hal ini kerana hadiah *jackpot* adalah hasil daripada wang terkumpul yang dibayar oleh para peserta. Dalam kata lain, ia adalah wang pertaruhan. Asasnya, perjudian berlaku apabila dua pihak atau lebih saling bertaruh harta masing-masing untuk satu-satu aktiviti. Sesiapa yang menang dalam aktiviti tersebut, maka dia berhak mendapat harta pertaruhan yang terkumpul. Manakala pihak yang kalah pula akan kehilangan harta yang dipertaruhkan.

Berbalik kepada hadiah *jackpot* yang biasa ditawarkan di kolam pancing, terdapat beberapa kriteria yang perlu dipenuhi untuk mendapatkannya. Antaranya; pemancing yang berhasrat menyertainya perlu membayar sekian harga tambahan yang berlainan daripada yuran masuk. Wang tambahan yang dibayar tersebut menjadi wang pertaruhan yang terkumpul atau *jackpot*. Hadiah itulah yang diberikan kepada peserta yang menang mengikut aktiviti yang ditentukan, sama ada berkaitan ikan terkecil, terberat dan sebagainya. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa ia merupakan suatu bentuk judi dan hukumnya haram.



Gambar: Yuran Pendaftaran *Jackpot*

Jika pihak pengusaha kolam menawarkan hadiah *jackpot* tetapi tidak mengenakan bayaran tambahan kepada pemancing. Hanya yuran masuk dikenakan. Misalnya, yuran masuk secara kebiasaannya adalah RM30 untuk sejam. Bagaimanapun pada minggu atau bulan ditawarkan hadiah *jackpot*, yuran masuknya dinaikkan kepada RM40 sejam. Jelas bahawa tambahan RM10 daripada caj kebiasaan tersebut sebenarnya untuk membiayai hadiah *jackpot* yang ditawarkan. Ini juga adalah jelas diharamkan.

Sebaliknya jika caj masuknya seperti biasa dan hadiah *jackpot* yang ditawarkan sebenarnya ditaja oleh pengusaha kolam atau pihak ketiga sebagai satu strategi untuk menarik ramai pemancing dalam satu-satu masa. Maka, hadiah seperti ini adalah suatu bentuk hibah yang dibenarkan. Kes ini sama seperti peraduan cabutan bertuah dan seumpamanya.

5.2 Kedudukan Carta (*Ranking*)

Isu hadiah yang diberikan kepada pemenang yang dapat menaikkan sejumlah berat tangkapan tertentu sekiranya diambil daripada kutipan bayaran peserta juga termasuk daripada hukum haram (Abdul Somad: 2018). Bentuk aktiviti tersebut adalah haram sekiranya nilai hadiah yang ditawarkan adalah jumlah wang yang terkumpul dari penyertaan peserta atau pemancing. Namun, sekiranya nilai hadiah adalah daripada pengusaha kolam atau pihak ketiga yang tidak terlibat secara langsung. Maka hukumnya adalah harus.

5.3 Pertandingan Memancing

Antara fatwa yang dikeluarkan di Malaysia ialah fatwa Jabatan Mufti Sabah iaitu Hukum Menyertai Pertandingan Memancing yang telah diwartakan pada 7 Disember 2017 (<http://e-smaf.islam.gov.my/>), fatwa di Jabatan Mufti Kedah iaitu Isu Pertandingan Memancing Di Kolam Memancing telah diputuskan pada 2007 tetapi fatwa ini tidak diwartakan (<http://e-smaf.islam.gov.my/>) dan Fatwa daripada Jabatan Mufti Selangor juga membincangkan hukum menyertai pertandingan memancing yang dikenakan yuran penyertaan. Ketiga-tiga fatwa ini memutuskan bayaran yuran penyertaan untuk pertandingan dibolehkan tetapi dengan syarat tidak dijadikan sebagai hadiah kepada pemenang kerana ada unsur perjudian. Jabatan Mufti Wilayah pula menjelaskan kedudukan hadiah yang diberikan hasil daripada bayaran yuran adalah dilarang kerana termasuk daripada unsur pertaruhan (<https://muftiwp.gov.my/>).

Haram sekiranya nilai hadiah yang ditawarkan adalah jumlah wang yang terkumpul dari penyertaan peserta atau pemancing. Bentuk pertandingan seperti ini, selain melibatkan unsur judi yang diharamkan, terdapat juga bentuk-bentuk penipuan semata-mata untuk mendapatkan hadiah seperti menipu timbangan, seludup ikan, ikan tambat, rasuah dan lain-lain (Amang: 2018).

Untuk memastikan pemberian hadiah dalam mana-mana pertandingan, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah meletakkan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah. Beberapa unsur yang boleh membawa kepada haram perlu dihindari seperti eksploitasi, pertaruhan, pembaziran, kesamaran dan bergantung kepada nasib (<http://www.islam.gov.my/>).

5.4 Cabutan Bertuah

Isu cabutan bertuah juga menjadi komentar sesetengah ilmuwan Islam. Keputusan Majlis Fiqh Antarabangsa "*Organization of the Islamic Conference, Islamic Fiqh Academy*" dalam sidangnya ke 14 pada 8 - 13 Zulkaedah 1423 H (11-16 Januari 2003) yang lalu telah memutuskan antara bentuk cabutan bertuah yang berada dalam kategori judi ialah bentuk bayaran secara langsung seperti bayaran tertentu yang dikenakan bagi mereka yang ingin menyertai cabutan sama ada secara tunai (*cash*), secara tunai melalui alat telekomunikasi dan penganjuran seperti makan malam dengan berbayar untuk menyertai cabutan.

Hukum haram juga untuk bayaran secara tidak langsung bagi mereka yang ingin menyertai cabutan bertuah. Contohnya, seperti bayaran yuran secara tidak langsung melalui cara menaikkan harga bagi sesuatu bayaran yang lebih tinggi daripada bayaran sebenar dan akan dipilih termasuk dalam mereka yang akan menyertai cabutan bertuah (Zaharuddin, 2008).

6.0 Kesimpulan

Syariat Islam memandu umatnya dalam setiap gerak kerja harian mereka supaya tidak terjebak dengan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Sebagaimana aktiviti memancing yang kini menjadi hobi dalam kalangan masyarakat, maka peranan ulama dan ilmuwan Islam perlu menerangkan kedudukan hukum hakam yang berkaitan dengannya. Konteks semasa

kini menunjukkan bahwa sudah terdapat beberapa pandangan hukum dan juga fatwa yang dikeluarkan berkaitan dengan isu-isu perjudian dalam pakej rangsangan memancing berbayar.

7.Rujukan

Ahmad Murshidi Mustapha, Mohd Musa Sarip & Mohd Rofaizal Ibhram. 2019. Isu-isu Muamalat Dalam Pakej Memancing Di Kolam Berbayar. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Amang. 2019. <https://www.umpan.com.my/sentap-hukum-memancing-jenis-tangkap-lepas/>. Tarikh akses 18 jun 2020.

_____. 2018. <https://www.umpan.com.my/teknik-menipu-dalam-pertandingan-memancing/>. Tarikh akses 21 September 2019.

Asri Zainal Abidin. 2016. https://youtu.be/rCd4QKjhx_I. Tarikh akses 18 jun 2020.

Azhar Idrus. 2012. <https://youtu.be/wHjOdyXbcDQ>. Tarikh akses 18 Jun 2020.

Buya Yahya. 2018. Hukum Memancing Berbayar - Buya Yahya Menjawab <https://www.youtube.com/watch?reload=9&v=sn2nnfpGQcM>. Tarikh akses 22 September 2019.

_____. 2018. <https://youtu.br/sn2nnfpGQcM>. Tarikh akses 18 jun 2020.

Abdul Somad. 2018. <https://www.youtube.com/watch?v=jDGMIWHCj-8>. Tarikh akses 19 Jun 2020.

Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 39-40; dan Al-Alusi, Ruh al Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-`Azim was Sab`I al Mathani, Dar Ihya' al Turath al `Arabi, Jilid 1, m/s 113-114

Hadi Rofiee. t.t. <http://www.hadirofee.com/hukum-memancing-di-kolam-berbayar.html>. Tarikh akses 22 September 2019.

Kementerian Waqaf dan Urusan Agama Kuwait, 1983 *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah*.

M. Abdul Wahab. 2019. <https://youtu.be/1vPHuKY7Gfk>. Tarikh akses 18 jun 2020.

Laman sesawang http://water.selangor.gov.my/index.php/ms/maklumatjabatan/pengurusan_sungai:2020.

Laman sesawang <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15842>. Tarikh akses 21 September 2019.

Laman sesawang <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1209-al-kafi-284-yuran-pertandingan-sebagai-hadiah>. Tarikh akses 22 September 2019.

Laman sesawang <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/109-garis-panduan-peraduan-berasaskan-hadiah>. Tarikh akses 22 September 2019.

Laman sesawang <https://islam.nu.or.id/post/read/100549/hukum-memancing-ikan-di-kolam-pemancingan>. Tarikh akses 22 September 2019.

Laman sesawang <https://konsultasisyariah.com/22211-hukum-mancing-ikan-untuk-hiburan.html>. Tarikh akses 22 September 2019.

Temubual Syed Abdul Aziz Syed Zainal. Tarikh 16 September 2019.

Temubual Zulkifli, Pengusaha Kolam Jugra RM3. Tarikh 29 Februari 2020.

Temubual Tazarul Tamsir, pengusaha Kolam Pancing RTB. Tarikh 10 Februari 2020.

Zaharuddin Abdul Rahman. 2008. <http://www.zaharuddin.net/kewangan/688-cabutan-bertuah-a-peraduan-pertandingan-moden.html>. Tarikh akses 25 Oktober 2020.